



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
JABATAN PUNGUTAN HASIL
MENARA HASIL, ARAS 15
PERSIARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8, 63000 CYBERJAYA
SELANGOR**

Telefon : 03-8313 8888
Faks : 03-8313 7823
Laman Web : <http://www.hasil.gov.my/>

Ruj. Tuan
Ruj. Kami : LHDN.01/45/130/12
Tarikh : 17 September 2015

Pengarah Eksekutif,
**Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM),
Unit B-13-2, Block B, 13th Floor, Megan Avenue II,
No. 12, Jln Yap Kwan Seng,
50450 Kuala Lumpur.**

Pengarah Eksekutif,
**Institut Akauntan Malaysia (MIA),
Dewan Akauntan No. 2,
Jalan Tun Sambanthan 3, Brickfields,
50470 Kuala Lumpur.**


Pengarah Eksekutif,
**Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA),
15, Jalan Medan Tuanku
50300 Kuala Lumpur**

Presiden,
**Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA),
Pejabat Sekretariat MATA,
27-1, Blok 1D, Jalan Wangsa Delima 12, Wangsa Link, Pusat Bandar Wangsa Maju,
53300 Kuala Lumpur**

Presiden,
**Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Syarikat (MAICSA),
No. 57, The Boulevard, Mid Valley City
Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur**

Presiden,
**Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS),
No. 23A, 1st Floor,
Jalan SS 24/11, Taman Megah,
47301 Petaling Jaya, Selangor**

Presiden,
**Institute of Cooperative and Management Accountants (ICMA),
No. 14M, Jalan Zirkon E7, Seksyen 7,
40000 Shah Alam, Selangor.**



HASIL

BERSAMA MEMBANGUN NEGARA

Bekas Pegawai Hasil,
Unit 19A-23-5, Business Suite, OUA Centre,
19, Jalan Pinang,
50450 Kuala Lumpur.

CPA Australia,
Suite 10.01, Level 10, The Gardens South Tower, Mid Valley City,
Lingkaran Syed Putra,
59200 Kuala Lumpur

Tuan,

PINDAAN BORANG CP204 DAN CP204A

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa borang CP204 dan CP204A telah dipinda dengan memasukkan ruangan pendapatan tertakluk kepada cukai pegangan seksyen 107A Akta Cukai Pendapatan 1967 sepenuhnya (hanya untuk syarikat bukan pemastautin sahaja) di ruangan 2.2, nota penerangan (e) bagi borang CP204 dan di ruangan 2.1, nota penerangan (b) bagi borang CP204A.
3. Bersama-sama ini disertakan borang-borang berkaitan untuk makluman dan tindakan tuan. Borang ini juga boleh diperolehi daripada laman web rasmi LHDNM.

- 3.1 Borang CP204 pindaan (LAMPIRAN 1)
- 3.2 Borang CP204A pindaan (LAMPIRAN 2)

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSAMA MEMBANGUN NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



[MOHD JAAFAR BIN EMBONG]

Pengarah

Jabatan Pungutan Hasil

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

ukh/riz/2015

HASIL

BERSAMA MEMBANGUN NEGARA



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Boleh ini ditetapkan di bawah seksyen 152 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP)

ANGGARAN CUKAI YANG KENA DIBAYAR OLEH SYARIKAT / PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD / BADAN AMANAH / KOPERASI

Kepada:

No. Rujukan
(No. Pendaftaran):

No. Cukai Pendapatan:

Tarikh:

Kembalikan kepada: LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
 Pusat Pemprosesan Maklumat
 Menara Hasil
 No.3 Jalan 9/10, Seksyen 9
 Karung Berkunci 206
 43659 Bandar Baru Bangi, Selangor
 Telefon : 03-89133800
 Faks : 03-89221801

Sila baca nota penerangan di muka belakang sebelum mengisi borang ini

1 Tahun Taksiran

20

2 Amaun Anggaran Cukai Yang Kena Dibayar

RM 00

2.1 Anggaran ini adalah % daripada anggaran tahun sebelumnya2.2 Pendapatan tertakluk kepada Cukai Pegangan seksyen 107A ACP sepenuhnya
(hanya untuk syarikat bukan pemastautin sahaja) [Jika pemerintah (c) nota pada anggaran]Ya Tidak

3 Tempoh Perakaunan

dari - 20

Hari Bulan Tahun

hingga - 20

Hari Bulan Tahun

4 Tempoh Asas

dari - 20

Hari Bulan Tahun

hingga - 20

Hari Bulan Tahun

5 Syarikat Baru: Nyatakan tarikh mula beroperasi

 - -

Hari Bulan Tahun

 - -

Hari Bulan Tahun

5.1 Status SME syarikat yang layak sahaja
[Jika pemerintah (c) nota pada anggaran]dari 20 hingga 20

Tahun Taksiran

Ya Tidak

5.2 Nyatakan sama ada akaun disediakan bagi tempoh yang berakhir pada tarikh yang sama seperti syarikat-syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama

6 Pengiraan Ansuran Bulanan

Amaun Ansuran Bulanan

RM - 006.1 Ansuran Pertama hingga ke RM - 00

6.2 Ansuran Akhir

7 Ruangan ini perlu diisi oleh syarikat baru atau jika terdapat perubahan disebabkan pertukaran tarikh penutupan akaun

 - 20 hingga - 20

Hari Bulan Tahun

Hari Bulan Tahun

7.1 Tempoh Asas Tahun Taksiran Berikutnya

 - 20 hingga - 20

Hari Bulan Tahun

Hari Bulan Tahun

7.2 Tempoh Asas Tahun Taksiran ke 2 Berikutnya

8 Alamat surat-menyerat sekarang: [Jika berlainan daripada di atas]

Akuan

Saya dengan ini mengaku bahawa butir-butir yang diberikan di atas adalah benar.

Nama: _____ Tandatangan: _____

No. Pengenalan: _____ Jawatan: _____

[Fotocopy of ID card placed here for reference]

No. Telefon: _____ Tarikh: _____

Untuk Kegunaan Pejabat

NOTA PENERANGAN BORANG CP204
ANGGARAN CUKAI YANG KENA DIBAYAR OLEH SYARIKAT / PERKONGSIAN / LIABILITI TERHAD / KOPERASI / BADAN AMANAH

(a) **Borang CP204**
 Gunakan borang ini apabila membuat anggaran cukai yang kena dibayar. Isi ruangan dengan **HURUF BESAR** menggunakan pen dakwat hitam.

(b) **Tempoh Asas**
 Penerangan terperinci mengenai tempoh asas boleh didapati di dalam Ketetapan Umum No.8/2014 [Tempoh Asas Bagi Suatu Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan Amanah dan Koperasi]

(c) **Amaun anggaran cukai yang kena dibayar**
 Amaun anggaran cukai yang kena dibayar hendaklah tidak kurang daripada anggaran cukai terkini iaitu sekurang-kurangnya 85% daripada anggaran cukai dipinda atau 85% daripada anggaran cukai jika tiada anggaran cukai dipinda bagi tahun taksiran sebelumnya.

Maklumat pada butiran 2.2 perlu dilengkapkan oleh syarikat bukan pemastautin sahaja. Sekiranya pendapatan syarikat bukan pemastautin tertakluk sepenuhnya kepada Cukai Pegangan di bawah seksyen 107A ACP, ruangan 2 dan 6 tidak perlu diisi.

(d) **Tarikh borang CP204 perlu dikemukakan**
 Kemukakan anggaran cukai tidak kurang daripada **30 hari** sebelum bermulanya tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran. Bagi syarikat baru anggaran cukai perlu dikemukakan dalam tempoh **3 bulan** selepas tarikh syarikat mula beroperasi. Jika anggaran cukai tidak diterima, arahan anggaran cukai akan dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (Notis Bayaran Ansuran CP205).

(e) **Syarikat baru di bawah kategori perusahaan kecil dan sederhana (SME)**
 Syarikat baru beroperasi di bawah **kategori SME** yang dikecualikan daripada mengemukakan anggaran cukai mengikut seksyen 107C(4A) ACP tidak perlu mengisi butiran 2 dan 6.

(f) **Anggaran cukai terkurang**
 Jika perbezaan antara cukai sebenar dengan anggaran cukai kena dibayar dipinda atau anggaran cukai jika tiada anggaran cukai dipinda dikemukakan melebihi 30% daripada cukai sebenar, maka cukai akan dinaikkan sejumlah 10% atas perbezaan yang melebihi 30% tanpa sebarang notis. Formula pengiraan cukai dinaikkan ialah:

$$[(CS-AC) - (30\% \times CS)] \times 10\% \quad \text{di mana} \quad CS: \text{cukai sebenar yang kena dibayar} \\ AC: \text{anggaran cukai}$$

(g) **Bila bayaran ansuran perlu dimulakan**
 Bayaran ansuran perlu dibuat secara bulanan mulai bulan kedua dalam tempoh asas. Bagi syarikat baru, ansuran perlu dimulakan dalam bulan **ke-6** selepas syarikat mula beroperasi.

(h) **Pengiraan amaun ansuran bulanan**
 Amaun ansuran bulanan dikira dengan membahagikan anggaran cukai dengan bilangan bulan dalam tempoh asas. Jika terdapat angka sen apabila anggaran cukai dibahagi dengan bilangan bulan dalam tempoh asas, amaun sen hendaklah ditambah kepada ansuran terakhir.

Contoh:	a	b	c
Amaun Anggaran (RM)	130,000	130,000	130,000
Bilangan ansuran dalam tempoh asas	12	10	15
	$130,000 / 12 = 10,833.33$	$130,000 / 10 = 13,000.00$	$130,000 / 15 = 8,666.67$
Ansuran : Bilangan dan amaun (RM)	Pertama hingga ke 11 : 10,833 Ke-12 : 10,837	Pertama hingga ke 9 : 13,000 Ke-10 : 13,000	Pertama hingga ke 14: 8,666 Ke-15 : 8,676

(i) **Pindaan anggaran cukai kena dibayar**
 Anggaran cukai boleh dipinda dalam bulan **ke-6** atau bulan **ke-9** atau **kedua-duanya** dalam tempoh asas dengan menggunakan borang CP204A

(j) **Slip pengiriman bayaran – Borang CP207**
 Gunakan slip pengiriman bayaran apabila membuat bayaran. Salinan fotostat borang CP207 boleh digunakan. Slip pengiriman bayaran penting supaya bayaran cukai dapat dikreditkan kepada cukai bagi tahun taksiran yang berkaitan. Borang CP207 boleh didapati di <http://www.hasil.gov.my>.

(k) **Tarikh bayaran ansuran bulanan perlu diterima**
 Bayaran perlu diterima selewat-lewatnya pada 15 haribulan bulan ansuran berkenaan. Pembayaran boleh di buat di:

- Bank - Kaunter CIMB Bank, Public Bank, Maybank, Affin Bank, RHB Bank dan Bank Rakyat
 - Perbankan internet CIMB, PBB, Maybank, Hong Leong Bank, RHB Bank & perbankan telefon Maybank
 - Auto Teller Machine (ATM) CIMB, PBB dan Maybank
- LHDNM - **ByRHASIL** melalui FPPX (Financial Process Exchange) di <http://www.hasil.gov.my>.
 - Kaunter Bayaran LHDNM atau melalui pos
 - Cek, kiriman wang dan draf bank hendaklah dipalang dan dibayar kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.
- Pos Malaysia Berhad – Kaunter dan Pos Online

Cukai akan dinaikkan sebanyak 10% ke atas amaun yang tidak dibayar dalam tempoh ditetapkan tanpa sebarang notis.

(l) **Pertukaran tarikh penutupan akaun**
 Kemukakan Borang CP204B jika terdapat pertukaran tarikh penutupan akaun. Borang perlu diterima selewat-lewatnya seperti berikut:
 Tempoh perakaunan dipendekkan: Satu bulan sebelum tarikh permulaan tempoh perakaunan yang baru
 Tempoh perakaunan dipanjangkan: Satu bulan sebelum tarikh penutupan akaun yang asal.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Borang ini ditetapkan di bawah seksyen 152 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP)

PINDAAN ANGGARAN CUKAI YANG KENA DIBAYAR OLEH SYARIKAT / PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD / BADAN AMANAH / KOPERASI

Pindaan Bulan ke-6
atau ke-9
(tandakan ✓ dalam petak berkenaan)

No. Rujukan
(No. Pendaftaran):

No. Cukai Pendapatan:

Kepada:

Tarikh:

Kembalikan kepada: LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
Putus Pemprosesan Maklumat
Menara Hasil
No.3 Jalan 9/10, Seksyen 9
Karung Berkunci 206
43659 Bandar Baru Bangi, Selangor
Telefon : 03-89133800
Faks : 03-89221801

Sila baca nota penerangan di muka belakang sebelum mengisi borang ini

1 Nama Syarikat / Perkongsian Liabiliti Terhad / Badan / Amanah / Koperasi

2 Tahun Taksiran 2 0

2.1 Pendapatan tertakluk kepada Cukai Pegangan seksyen 107A ACP sepenuhnya
(hanya untuk syarikat bukan pemastutin sahaja) Ya Tidak

3 Tempoh Perakaunan dari - - 2 0 hingga - - 2 0
Hari Bulan Tahun Hari Bulan Tahun

4 Tempoh Asas dari - - 2 0 hingga - - 2 0
Hari Bulan Tahun Hari Bulan Tahun

5 Anggaran cukai kena dibayar yang dipinda
Tolak: Jumlah telah dibayar hingga kini . 0 0
Baki anggaran kena dibayar . 0 0

6 Pengiraan Ansuran Bulanan: *[rujuk peranggan (c) muka depan]*
6.1 Ansuran ke-5 / ke-8 ke-6 / ke-9 hingga ke-
(tandakan ✓ dalam petak berkenaan)

RM . 0 0
RM . 0 0
RM . 0 0
Amaun Ansuran Bulanan

6.2 Ansuran akhir . 0 0

7 Alamat surat-menyerat sekarang: *[jika berlainan daripada di atas]*

Akuuan

Saya dengan ini mengaku bahawa butir-butir yang diberikan di atas adalah benar.

Nama: _____ Tandatangan: _____

No. Pengenalan: _____ Jawatan: _____
[Peranggan / Gedung atau alamat jawatan yang bersangkutan]

No. Telefon: _____ Tarikh: _____

Untuk Kegunaan Pejabat

(a) Borang CP204A

Gunakan borang ini apabila membuat pindaan anggaran cukai yang kena dibayar. Isi ruangan dengan HURUF BESAR menggunakan pen dakwat hitam.

(b) Bila pindaan kepada anggaran boleh dibuat

Anggaran cukai bagi sesuatu tahun taksiran hanya boleh dipinda dalam bulan ke-6 atau ke-9 atau kedua-duanya dalam tempoh asas. Jika anggaran cukai yang dipinda melebihi ansuran yang telah dibayar, baki cukai mestilah dibayar secara ansuran mengikut baki tempoh bayaran yang ada.

Maklumat pada butiran 2.1 perlu dilengkapkan oleh syarikat bukan pemastautin sahaja. Sekiranya pendapatan syarikat bukan pemastautin tertakluk sepenuhnya kepada Cukai Pegangan seksyen 107A ACP, ruangan 5 dan 6 tidak perlu dilisi.

(c) Pengiraan amaun ansuran yang dipinda

Kira amaun ansuran yang baru dan teruskan bayaran ansuran mengikut cadangan pindaan. Amaun ansuran bulanan yang dipinda dikira dengan membahagikan baki anggaran cukai yang belum dibayar dengan baki tempoh bayaran. Amaun sen (jika ada) hendaklah ditambah kepada ansuran terakhir. Jika anggaran cukai yang dipinda kurang daripada jumlah yang telah dibayar, syarikat boleh memberhentikan bayaran ansuran seterusnya.

Contoh:	Borang Pindaan dikeluarkan di antara 1hb -15hb Jun dan bayaran telah dibuat sehingga bulan Mei	Borang Pindaan dikeluarkan selepas 15hb Jun dan bayaran telah dibuat sehingga bulan Jun		
Anggaran cukai dipinda (RM)		RM 150,000.00		RM 150,000.00
Tolak: Ansuran telah dibayar	Februari - Mei (RM 10,833 x 4)	RM 43,332.00	Februari - Jun (RM 10,833 x 5)	RM 54,165.00
Baki ansuran		RM 106,668.00		RM 95,835.00
Ansuran bulanan dipinda	(RM 106,668) ÷ 8	RM 13,333.50	(RM 95,835) ÷ 7	RM 13,690.71
	Jun (ke-5) - Disember (ke-11)	RM 13,333.00	Julai (ke-6) - Disember (ke-11)	RM 13,690.00
	Januari (Ansuran akhir)	RM 13,337.00	Januari (Ansuran akhir)	RM 13,695.00

(d) Anggaran terkurang

Jika perbezaan antara cukai sebenar dengan anggaran cukai kena dibayar dipinda atau anggaran cukai, jika tiada anggaran cukai dipinda dikemukakan, melebihi 30% daripada cukai sebenar, maka cukai akan dinaikkan sebanyak 10% ke atas perbezaan yang melebihi 30% tanpa sebarang notis. Formula pengiraan cukai dinaikkan ialah:

$$\text{[(CS-AC) - (30\% \times CS)]} \times 10\% \text{ di mana } \begin{aligned} \text{CS:} & \text{ cukai sebenar yang kena dibayar} \\ \text{AC:} & \text{ anggaran cukai / anggaran cukai dipinda} \end{aligned}$$

(e) Slip pengiriman bayaran - CP207

Gunakan slip pengiriman bayaran apabila membuat bayaran. Salinan fotostat borang CP 207 boleh digunakan. Slip pengiriman bayaran penting supaya bayaran cukai dapat dikreditkan kepada cukai bagi tahun taksiran yang berkaitan. Borang CP207 boleh didapat di <http://www.hasil.gov.my>.

(f) Tarikh bayaran ansuran bulanan perlu diterima

Bayaran perlu diterima selewat-lewatnya pada 15 haribulan bulan ansuran berkenaan. Pembayaran boleh di buat di:

- Bank
 - Kaunter CIMB Bank, Public Bank, Maybank, Affin Bank, RHB Bank dan Bank Rakyat
 - Perbankan internet CIMB, PBB, Maybank, Hong Leong Bank, RHB Bank & perbankan telefon Maybank
 - Auto Teller Machine (ATM) CIMB, PBB dan Maybank
- LHDNM
 - ByHASIL melalui F P X (Financial Process Exchange) di <http://www.hasil.gov.my>.
 - Kaunter Bayaran LHDNM atau melalui pos:
 - Cek, kiriman wang dan draf bank hendaklah dipalang dan dibayar kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.
- Pos Malaysia Berhad – Kaunter dan Pos Online

Cukai akan dinaikkan sebanyak 10% ke atas amaun yang tidak dibayar dalam tempoh ditetapkan tanpa sebarang notis.

(g) Pertukaran tarikh penutupan akaun

Kemukakan Borang CP204B jika terdapat pertukaran tarikh penutupan akaun. Borang perlu diterima selewat-lewatnya seperti berikut:

Tempoh perakaunan dipendekkan: Satu bulan sebelum tarikh permulaan tempoh perakaunan yang baru

Tempoh perakaunan dipanjangkan: Satu bulan sebelum tarikh penutupan akaun yang asal.